

MINGGU 4

MASYARAKAT MULTI ETNIK DI MALAYSIA

PENGENALAN

- ▶ Jumlah penduduk – 1980 (13.7 Juta), 1991 (18.4 Juta), 2000 (23.3 Juta) dan 2010 (28.3 Juta)
- ▶ Agama Islam (61.3%) adalah agama rasmi dan terdapat agama lain yang dianuti iaitu Buddha (19.8%), Kristian (9.2%), Hindu (6.3%) dan ananisme
- ▶ British mentransformasi masyarakat → masyarakat *homogenous* kepada *heterogenous*

PERBEZAAN SOSIO DEMOGRAFI

- ▶ Pantai Timur dipelopori orang Melayu dan Pantai Barat oleh pelbagai etnik
- ▶ Ia mendatangkan implikasi pembangunan sosial
- ▶ Program Pembangunan → pembangunan dan membaik pulih kawasan pertanian, infrastruktur, pendidikan dan kemudahan kesihatan
- ▶ Program Pembangunan untuk menyeimbangkan peluang masyarakat luar bandar dengan bandar

PERBEZAAN SOSIO EKONOMI

- ▶ Setiap etnik menjalankan kegiatan ekonomi yang berbeza-beza.
- ▶ Sejak DEB (1970) kerajaan menyediakan generasi muda luar bandar dengan asas pendidikan yang kukuh, dan golongan ini telah berhijrah di bandar
- ▶ Orang Cina → ekonomi moden seperti industri perbankan, perdagangan dan perindustrian
- ▶ Orang India → ladang getah, menceburi perniagaan kedai runcit, perkhidmatan awam atau profesional

PERBEZAAN SOSIO BUDAYA

- ▶ Setiap etnik mewarisi budaya nenek moyang mereka
- ▶ Setiap etnik bebas untuk mengamalkan budayanya masing-masing selagi tidak menimbulkan kekacauan dalam sesebuah masyarakat.
- ▶ Perkahwinan campur jarang berlaku terutamanya orang Melayu

PERBEZAAN SOSIO POLITIK

- ▶ Parti politik dibangunkan untuk menjaga dan menyuarakan hak setiap kumpulan etnik tertentu.
- ▶ Kerjasama antara parti politik dapat dilihat melalui penubuhan Barisan Nasional
- ▶ Politik Malaysia adalah untuk menjaga kepentingan kaum-kaum dan seolah-olah tiada ruang untuk ideologi-ideologi baru

TAHAP TRANSFORMASI MASYARAKAT

- ▶ Tahap Etnik
- ▶ Tahap Masyarakat Majmuk
- ▶ Tahap Menuju Era Kemerdekaan
- ▶ Tahap Dekat Pertama Kemerdekaan
- ▶ Tahap DEB
- ▶ Tahap di Ambang Alaf Baru
- ▶ Tahap Menuju Wawasan 2020 dan Bangsa Malaysia

TAHAP ETNIK

- ▶ Perhubungan antara etnik → *canopy ethnicity*
- ▶ Setiap kumpulan etnik memiliki batas kumpulan etnik masing-masing yang terbuka kepada pengaruh sosio budaya masyarakat setempat
- ▶ Mereka berlainan tetapi terletak di bawah etnik Melayu dari segi bahasa, budaya dan agama

TAHAP MASYARAKAT MAJMUK

- ▶ Konsep ras (race) dan status sosial digunakan untuk mengkategorikan kumpulan etnik yang wujud semasa penjajahan Inggeris
- ▶ Orang Inggeris di strata yang paling atas
- ▶ Dasar Pecah dan Perintah

TAHAP MENUJU ERA KEMERDEKAAN

- ▶ Isu kemiskinan, kemunduran dan peminggiran orang Melayu menjadi agenda pergerakan nasionalisme Melayu
- ▶ Pada awalnya, etnik Cina dan India tidak begitu aktif dalam menuntut kemerdekaan
- ▶ Inggeris tidak mahu memerdekakan negara kepada penjajahan yang bersifat ideologi sosialis (KMM), komunis (PKM) dan kefahaman Islam (PAS)
- ▶ Kaedah perkongsian kuasa politik acuan Malaysia lebih stabil

TAHAP DEKAD PERTAMA KEMERDEKAAN

- ▶ Perkembangan ekonomi yang pesat namun pembangunan infrastruktur yang tidak seimbang
- ▶ Pembangunan ketika itu berpihak kepada etnik India dan Cina yang menetap di bandar
- ▶ Ketidakpuasan mewujudkan peristiwa hitam 13 Mei 1969

TAHAP DASAR EKONOMI BARU

- ▶ DEB dan Rukunegara digubal untuk perpaduan
- ▶ Dasar ini telah berjaya membasmi kemiskinan dan membina kelas menengah yang besar
- ▶ Acuan ekonomi negara (pengagihan sumber material masyarakat antara etnik, agama, wilayah, bandar dan desa) adalah asas kepada kejayaan negara

TAHAP DI AMBANG ALAF BARU

- ▶ Kesan pembangunan dan tadbir urus yang baik mendatangkan pelbagai kesan positif (taraf hidup yang lebih baik, menyusun semula masyarakat dsb)
- ▶ Setiap kumpulan etnik mahu kepelbagaian budaya diakui
- ▶ Mereka juga telah menghormati perbezaan budaya
- ▶ Menuntut kepada penghalusan budaya sesebuah etnik

TAHAP MENUJU WAWASAN 2020 DAN BANGSA MALAYSIA

- ▶ Kerajaan mahu menjadikan Malaysia sebuah negara industri, maju dan demokratik di mana rakyat tanpa mengira etnik akan hidup bersama dalam suasana makmur, adil dan sejahtera
- ▶ Usaha ini bergantung kepada amalan tadbir urus yang tidak meminggir, mengasingkan mana-mana etnik

INTEGRASI NASIONAL

- Satu proses atau sistem hidup yang menyatupadukan seluruh anggota masyarakat & negara → setiap anggota masyarakat itu dapat membentuk satu identiti & nilai bersama serta semangat kebangsaan



INTEGRASI NASIONAL

- ▶ Mewujudkan kerjasama dan nilai-nilai harmoni antara penduduk di Semenanjung, Sabah dan Sarawak
- ▶ Usaha ini bertujuan untuk mengurangkan perbezaan psikologi antara kedua wilayah, mengatasi perbezaan geografi dengan mengeratkan hubungan dan mewujudkan identiti bersama menerusi kesetiaan kepada negara Malaysia menerusi perpindahan penduduk, pertukaran pegawai, penyatuan sistem pendidikan dan sebagainya

MEMUPUK INTEGRASI NASIONAL

- ▶ Perpaduan wilayah
- ▶ Perpaduan ekonomi
- ▶ Perpaduan politik
- ▶ Perpaduan pendidikan
- ▶ Perpaduan Kebudayaan
- ▶ Perpaduan Sosial
- ▶ Integrasi nasional

PERPADUAN WILAYAH

- ▶ Usaha untuk mengurangkan jurang perbezaan ekonomi dan struktur antara negeri dan wilayah dalam negara.
- ▶ Agihan yang adil dan saksama dari segi pendapatan, kemudahan asas, pendidikan, kesihatan, perumahan dan peluang pekerjaan supaya tidak wujud wilayah yang miskin dan kurang maju

PERPADUAN EKONOMI

- › Proses perkembangan ekonomi membolehkan semua etnik menyertai kegiatan ekonomi
- › DEB menyusun semula tenaga supaya tidak mewujudkan jurang yang besar antara etnik dalam bidang ekonomi

APA STRATEGI YANG DIGARISKAN DALAM DEB ?

PERPADUAN POLITIK

- › Tugas utama kerajaan untuk mewujudkan suasana politik yang stabil supaya masyarakat boleh hidup aman dan tenteram
- › Gabungan parti-parti politik berbilang etnik untuk mewujudkan kerjasama dan persefahaman → membawa kestabilan dan perpaduan untuk mewujudkan negara yang aman dan makmur

PERPADUAN PENDIDIKAN

- › Pendidikan merupakan alat penting → semangat perpaduan
- › Dapat dicapai melalui sistem persekolahan dan kurikulum yang seragam

PERPADUAN KEBUDAYAAN

- › Proses pencapaian perpaduan di kalangan masyarakat melalui program kebudayaan
- › Dasar Kebudayaan Kebangsaan diwujudkan bagi menjadi titik pertemuan dan asas perpaduan ke arah mewujudkan satu identiti nasional bangsa Malaysia

PERPADUAN SOSIAL

- › Program-program sosial → pendidikan, perumahan, kesihatan, kemudahan asas dan persatuan dalam masyarakat
- › Program Rukun Tetangga
- › Proses memupuk semangat cintakan negara supaya wujudkan semangat sanggup berkorban demi negara tercinta

GAGASAN 1 MALAYSIA

- › Memupuk perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, berteraskan nilai-nilai penting dari segi hormat-menghormati, berkerjasama, bertoleransi, mempercayai dan sebagainya, yang seharusnya menjadi amalan kepada setiap rakyat Malaysia

TERAS 1 MALAYSIA

1. PRINSIP PENERIMAAN

- Prinsip penerimaan bererti walaupun rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum yang mempunyai cara hidup, amalan dan kebudayaan yang berbeza, tetapi kita menerimanya antara satu sama lain sebagai rakan setia / seperjuangan.

TERAS 1 MALAYSIA

2. PRINSIP KENEGARAAN

- Konsep perpaduan, semangat nasionalisme dan cintakan negara telah diterapkan sejak dahulu lagi oleh pemimpin-pemimpin terdahulu.
- Wawasan 2020 dan konsep *Cemerlang, Gemilang* dan *Terbilang* sebagai gagasan untuk memupuk perpaduan dikalangan rakyat berbilang kaum di negara ini.

TERAS 1 MALAYSIA

3. KEADILAN SOSIAL

- Rakyat Malaysia akan terbela / dijaga dan tiada pihak akan dipinggirkan
- Mengambil kira taraf kemajuan setiap kaum pada tahap yang berbeza.
- Wakil rakyat memainkan peranan dengan melebarkan khidmat mereka kepada kaum lain dan tidak pada satu kaum sahaja.